



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 05 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MBDK MPAJ DBKL	• COMPOUND DISCOUNT • MPAJ MATTERS • RAMADAN BAZAAR • DBKL FACES COURT ACTION OVER FAILURE TO PROVIDE ACCESS ROAD • 50 SEGAMBUT ROADS RESURFACED IN 2024 • CONNECTING RIVER AND ITS COMMUNITY

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
7.	THE STAR	• LOVE IN THE TIME OF DISASTER
8.	SINAR HARIAN	• BAYAR ZAKAT RM500 LAYAK TERIMA KHAIRAT KEMATIAN • RAKYAT MALAYSIA DINASIHAT AMBIL LANGKAH KESELAMATAN • BNM DIGESA PERJELAS STATUS KENAIKAN PREMIUM INSURANS PERUBATAN • EASPADA SITUASI DI KOREA SELATAN • KERAJAAN TERIMA RM35.8 JUTA • MASALAH KESIHATAN MENTAL NAIK DUA KALI GANDA • MENANGANI BANJIR DI MALAYSIA • RINGGIT DIJANGKA DINIAGAKAN TINGGI PADA AKHIR TAHUN
9.	KOSMO	• TEKNOLOGI AI PENTING DALAM PENGURUSAN BANDAR RAYA • 31,481 PENJAWAT AWAM PILIH BERSARA AWAL • EKONOMI TAHUN DEPAN LEBIH HEBAT • SYARIKAT KORPORAT SUMBANG MANGSA BAH RM35.8 JUTA
10.	HARIAN METRO	• 31,481 PENJAWAT AWAM BERSARA AWAL DARI 2022 HINGGA SEPTEMBER LALU • BILANGAN ASNAF DI SELANGOR MELEBIHI 73,000 • RAKAN STRATEGIK PERANGI RASUAH • BERI KHIDMAT TERBAIK TANPA MENGIRA STATUS
11.	BERITA HARIAN	• LZS SASAR ZAKAT RM1.22b UNTUK TERUS SANTUNI ASNAF • PM HARGAI BANTUAN RINGAN BEBAN MANGSA BAH • 23 SYARIKAT SWASTA, BADAN KORPORAT SUMBANG RM35.8 JUTA • SIAP SIAGA HADAPI GELOMBANG KEDUA BANJIR MULAI AHAD • KDN JAMIN KESELAMATAN DATA MYKAD TERPELIHARA • MEDIA PENCENTUS KESEDARAN RAKYAT TOLAK NORMALISASI AMALAN RASUAH
12.	UTUSAN MALAYSIA	• ZAKAT: LZS OPTIMIS KUTIP RM1.22b • BAHASA KEBANGSAAN TETAP MERUPAKAN IDENTITI NEGARA • DATA MYKAD 17 JUTA RAKYAT TIDAK BOCOR
13.	NEW STRAITS TIMES	• RM35.8m IN DONATIONS FOR FLOOD VICTIMS • DEPT FOCUSING ON EQUIPMENT MAINTENANCE
14.	THE SUN	• MINISTRY TO PROVIDE NEW HOMES OR REPAIR THOSE DAMAGED BY FLOODS



STAR METRO WATCH

COMPOUND DISCOUNT ✓

Klang Royal City Council (MBDK) is offering a parking compound discount until Dec 31. The rate ranges from RM15 to RM300, depending on the type of violation. However, offences under Paragraph 51 (Parking on designated spots), Paragraph 36(2)(e) (Parking on OKU spots) and Paragraph 36(2)(a) (Obstructing or causing obstruction to any parking space or parking spot) are not included. Payments can be made through MBDK's official website, Smart Parking MBDK and Smart Selangor Parking apps, Housing and Local Government Ministry's online service at pbtpay.kpkt.gov.my/home/semak or MBDK's i-Kiosk machines in several places. For more information, call 03-3375 8037/8038 (MBDK's Enforcement Department).

THE STAR

05 DEC 2024

Tarikh:.....

MPAJ MATTERS ✓

> Dog owners under Ampang Jaya Municipal Council's (MPAJ) purview can apply or renew pet licences at Tasik Pandan Perdana (Dec 14) and Taman Putra community hall (Dec 28), from 10am to 4pm. For details, call 03-4285 7007/ 7235.

> Ampang Jaya business owners have until Dec 31 to renew their licences. They can do so at Menara MPAJ from 8am to 5pm, except weekends and public holidays) and Melawati Mall (from 10am to 4pm, except weekends and public holidays). For details, call 03-4285 7344/7170 or email ppu@mpaj.gov.my

THE STAR

Tarikh: 05 DEC 2024

RAMADAN BAZAAR ✓

> Kuala Lumpur City Hall (DBKL) will open online applications for its Ramadan Bazaar licences until Dec 13. A total of 42 locations are available. Applications can be done via elesen.dbkl.gov.my. For details, call 03-2028 2541/ 2537/ 2538.

> Shah Alam City Council (MBSA) will open online applications for its Ramadan Bazaar licences until Dec 15 on the e-Penjaja MBSA system/app, from 9.30am to 5.30pm. A total of 26 sites are available. For more information, call 03-5510 5133 ext 1762/1486/1699/1317 or 1366.

THE STAR

05 DEC 2024

Tarikh:.....

DBKL faces court action over failure to provide access road

By VIJENTHI NAIR ^{Star 5/12}
vijenthi@thestar.com.my (DBKL)

THE board of directors of SJK (C) Tai Thung in Jalan Sungai Besi plans to take Kuala Lumpur City Hall (DBKL) to court for failing to provide the school with the promised access road.

With only one access road currently through a narrow Jalan Razak Mansion, the traffic situation when sending and picking up schoolchildren has been chaotic.

Lawyer Joseph Tan, who is representing the board, said the promised access road was initially the main route for many years before it was closed for a development project.

The road passed through land gazetted for school use connecting SJK (C) Tai Thung to Jalan 4/108a, which is a main road, but it was closed from 2019 to 2022, he said.

"For many years, the land served as the main access to the school, connecting it to

"There is chaos daily, especially during school drop-off and pick-up times."

Joseph Tan

Jalan 4/108a.

"On Jan 30, 2019, during a meeting between the school, DBKL and stakeholders, it was agreed that access to the land would be closed from March 1, 2019 to March 1, 2022 for safety reasons due to the development.

"It was also agreed that this access would be reopened after three years, but it was not so.

"Instead, a new school is now being built on the land," he said.

Tan said the school's only access currently was through Jalan Razak Mansion, which is narrow and hazardous.

"There is chaos daily, especially during school drop-off and pick-up times, which has caused a decline in enrolment," he said, adding that the school management also feared for pupils' safety.

Tan said the board of directors filed a case against DBKL for discovery of documents last year to determine if any alternative access routes were provided for the school.

"On Aug 22, the High Court ordered DBKL to provide all documents to the school but it was not adhered to.

"The board members urge DBKL to provide the documents and fulfil its promise to provide safe access to the school.

"If DBKL fails to respond, the school will have no choice but to explore legal action," he said.

DBKL could not be reached for comment at press time.



The only access road to SJK (C) Tai Thung is Jalan Razak Mansion in Sungai Besi.

THE STAR

Tarikh: 05 DEC 2024

Par 5/12 (DBKL)

50 Segambut roads resurfaced in 2024



Jalan Burung Pucung in Taman Bukit Maluri before it was resurfaced.

A TOTAL of 50 roads in the Segambut constituency were identified for resurfacing works this year, of which 44 have been completed.

"Upgrading works for the remaining six roads started today (Dec 4) and are expected to be completed in a week," said Segambut MP Hannah Yeoh.

"Kuala Lumpur City Hall (DBKL) has appointed four contractors for road upgrading works in Segambut.

"Each contractor was given a RM2mil budget spanning two years, namely for this year and next year."

She said this brought DBKL's allocation for road resurfacing works in both residential and commercial areas in Segambut to RM8mil over two years.

Yeoh was speaking in a press conference at the Taman Bamboo morning market in Kuala Lumpur, one of the locations that had its

roads resurfaced.

Roads have been upgraded in Taman Bukit Maluri, Bandar Menjalara, Taman Tun Dr Ismail, Taman Segambut Aman, Taman Desa Segambut, Taman Sri Segambut, Taman Bamboo and Taman Sri Kuching, among others.

Road upgrades are ongoing at Jalan Udang Batu, Jalan Udang Galah 6, Jalan Udang Galah 5, Jalan Udang Galah 4, Jalan Udang Galah and part of Jalan Kuching.

THE STAR

05 DEC 2024

Tarikh:.....



(From second left) Maimunah and Kok visiting a stall at the riverside market during the opening ceremony of the Klang River Festival.



A local singer performing at the opening ceremony at the riverside behind Millerz Square, Kuala Lumpur.

Connecting river and its community

Story and photos by LEW GUAN XI
lewguanxi@thestar.com.my

Festival encourages locals to preserve Sungai Klang

AN ANNUAL festival has made a stretch of Sungai Klang near Jalan Kelang Lama, Kuala Lumpur, lively through various activities.

The Klang River Festival, presented by KongsikL and supported by Exsim Group, aimed to revitalise the river through various community initiatives to enhance the environment and strengthen the people's connections with the river.

KongsikL president Joseph Foo has pledged to activate the river area through various initiatives to empower those living by the riverside.

"We want to encourage more river stewardship. Whether your priority is on big issues like climate change or local concerns like liveability, we can all come together to preserve the river.

"I hope that the conditions will be made more conducive in one to two years' time to facilitate activities such as walking, cycling and even farming," he said during the festival's opening ceremony at the riverside behind Millerz Square.

The festival featured a series of workshops, exhibitions, performances, screenings and a riverside market.

Prior to the opening ceremony, activities such as educational programmes, writing workshops and riverside tree planting had taken place for months since September, according to a statement by KongsikL.

Also present were Kuala Lumpur mayor Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif, Seputeh MP Teresa Kok, Think City managing director Datuk

Hamdan Abdul Majeed and Tourism Selangor industrial development department manager Chua Yee Ling.

Maimunah said she was fully supportive of the festival, which was in its third edition this year.

She hoped there would be more collaborations to leverage the environment, particularly the river.

"This programme upheld the spirit of '4P' which stands for public, private, people and partnership, fostering a meaningful convergence of ideas between different stakeholders in preserving the river.

Maimunah said she aspired to make the river safe and clean so that various community activities could be conducted there.

"If the river is clean enough, it could even be a source of drink-

ing water in the future.

"Most importantly, the people must be responsible to not litter and dispose of wastewater and chemicals improperly into the river," she said.

She also expressed her dedication towards a zero-waste Kuala Lumpur next year, calling for more non-governmental organisations (NGOs) to achieve this goal together.

"Cleanliness has always been one of my priorities since I was sworn in as the mayor.

"We need to rope in more NGOs to work together to create a cleaner, greener, safer, healthier and happier Kuala Lumpur.

"This is not just about clearing rubbish and planting trees.

"We need to ensure we have clean governance and green initiatives such as green procure-

ment, green production and green consumption to establish a circular economy," she said.

Kok urged Kuala Lumpur City Hall (DBKL) to include the festival in its annual agenda so that the event could be upscaled.

"The Federal Government had recently said it would restart the River of Life project. Events like this play a crucial role in supporting this effort.

"We need more NGOs, businesses as well as the community to come up with concepts to beautify the river.

"DBKL and the Department of Irrigation and Drainage should facilitate more public-private cooperation on this matter.

"Rivers are the origin of cities and our civilisation.

"We must protect them," she added.

THE STAR

Tarikh: 05 DEC 2024

Spirit of solidarity:

Anwar (front row centre) posing with some of the contributors at the Ihsan Madani fundraising event at Seri Perdana in Putrajaya. Also present are Chief Secretary to the Government Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar (second from left) and Director-General of Public Service Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz (second from right).

— Bernama

Har 5/12



Love in the time of disaster

PM: Highlight our care and unity with positive response stories

PUTRAJAYA: Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has urged the sharing of more inspiring tales about how Malaysia's multiracial communities come together to help those in need, like flood victims.

Speaking at the Ihsan Madani fundraising event here yesterday, he said such stories reflect the beauty of Malaysia and should be continually highlighted "because that will ensure not only stability but also the future of this great country".

"For example, recently in Kelantan, a friend told me about a modest Chinese businessman from Bukit Mertajam — not affiliated with any association — who gathered 10 large trucks of food supplies and sent them over. This is a positive story about Malaysia.

"All races and religions embrace this approach. When there is a problem, people come forward. These are the stories we should amplify instead of focusing on racial or religious conflicts and disagreements. These are truly uplifting stories," he said in a Bernama report.

Anwar noted that not all coun-

tries could respond to disasters as swiftly as Malaysia does, especially in terms of early preparedness and the spirit of solidarity among diverse communities in assisting those in need.

"Our disaster management machinery, chaired by (Deputy Prime Minister) Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, has been in place for two to three months now. In the event of a disaster, the Civil Defence Force, the Fire and Rescue Department, and others are coordinated.

"While it's not perfect, it is, at the very least, a testament to a concerted effort, including the dedication of our civil servants, civil society volunteers and the business community. Though not everyone contributes, the majority of reports I've seen are very encouraging," he said.

Anwar expressed his gratitude for the swift and spontaneous response from the private sector to his call for assistance, whether through monetary contributions or deploying resources to affected areas.

"I am touched that, in such a short time, many have contacted my office, stating their

willingness to help.

"We haven't even fully publicised this initiative or contacted all associations and business chambers, but the willingness to contribute is evident.

"That's why I wanted to personally attend the Ihsan Madani Fundraising Event — to send a message to the people that this is a team effort, a collective commitment from all communities and groups," he added.

At the event, Anwar received RM35.8mil in contributions from 23 private companies and corporations to aid flood victims nationwide.

He also rapped the opposition for sensationalising the scheduling of the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) examination, which will proceed as scheduled amid the northeast monsoon floods.

Anwar said that there should not have been such a controversy because all students participating in the examination had their welfare well-cared for and had access to separate accommodations to aid in their exam preparation.

"It's the decision of the Education Ministry to proceed with the exams, but the opposition wants to

exploit this issue. As you know, we have faced this issue for decades, and we have not postponed exams," he said, adding that many students who stayed in these hostels had performed better in their examinations.

"I'm not suggesting that floods should happen every year. I'm just saying that these ideas are not bad, but of course, the opposition has been attacking (creating controversy out of this issue). I have to remind them that this is an oral exam," he added.

He said that during his visit to Terengganu recently, he was informed that the authorities had compiled a comprehensive list of all affected homes and had reached out to ensure SPM candidates would be able to sit for the examination.

"I was given the assurance that 99.9% of this year's SPM candidates will be able to sit for the exam," he said.

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com



THE STAR

05 DEC 2024

Tarikh:.....

Bayar zakat RM500 layak terima khairat kematian

Inisiatif diperkenalkan LZS untuk ringankan beban waris

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN
TAHIR
SHAH ALAM

Umat Islam yang membayar zakat kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) sebanyak RM500 layak menerima sumbangan khairat kematian sebanyak RM1,500 berkuat kuasa pada Januari tahun depan.

Ketua Pegawai Operasi LZS, Ahmad Fadhil Hassan berkata, skim yang dilancarkan bermula Oktober lalu itu melayakkan pembayar zakat



Ahmad Fadhil (kanan) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Majlis Pelancaran Kempen Sama-sama Kongsi di LZS, Shah Alam pada Rabu.

menerima sumbangan khairat jika berlaku kematian selepas tempoh tiga bulan tersebut.

"Mana-mana individu yang sudah membayar zakat pada bulan Oktober, November dan Disember tahun ini, mereka layak untuk memohon sumbangan khairat pada Januari tahun depan," katanya ketika ditemui

pada Majlis Pelancaran Kempen Sama-sama Kongsi di LZS, Seksyen 13, di sini pada Rabu.

Sementara itu, LZS yakin mampu melebihi sasaran kutipan zakat sebanyak RM1.22 bilion tahun ini.

Ahmad Fadhil berkata, ketika ini, LZS masih memerlukan RM400 juta lagi bagi memenuhi sasaran tersebut.

SINAR HARIAN

Tarikh: 05 DEC 2024

84
5/12

Rakyat Malaysia dinasihat ambil langkah keselamatan

PUTRAJAYA - Rakyat Malaysia yang menetap atau melawat Korea Selatan dinasihatkan supaya mengambil langkah berjaga-jaga dan sentiasa mengikuti panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan, menurut Kementerian Luar Negeri.

Kementerian dalam satu kenyataan pada Rabu memaklumkan, situasi di Korea Selatan kembali normal selepas undang-undang tentera ditarik balik di seluruh negara.

"Bagi memastikan maklumat terkini dan bantuan tepat pada masanya, rakyat Malaysia di Korea Selatan dinasihatkan untuk mendaftar melalui E-Konsular," menurut kenyataan itu.

Bagi mereka yang memerlukan bantuan konsular, Kedutaan Malaysia di Seoul boleh dihubungi di alamat 129, Dokseodang-ro Hannam-dong, Yongsan-gu, Seoul 04419, atau melalui talian **82-2-20778600** atau **82-2-7945488**, atau menerusi e-mel mwseoul@kln.gov.my.

"Kementerian akan terus memantau keadaan dengan teliti," menurut kenyataan itu. - Bernama

SINAR HARIAN
05 DEC 2024

Tarikh:

84
5/12

BNM digesa perjelas status kenaikan premium insurans perubatan

KUALA LUMPUR - Lima ahli Parlimen Parti Keadilan Rakyat (PKR) menggesa Bank Negara Malaysia (BNM) tampil menjelaskan kekeliruan sama ada caruman premium insurans perubatan dan kesihatan akan naik seperti yang dirancang syarikat insurans dan pengendali takaful (ITO) atau sebaliknya.

Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin berkata, keadaan sebenar mengenai perkara itu perlu diperjelaskan kerana ia boleh menjejaskan nama baik BNM.

Menurutnya, ia kerana dalam masa 14 hari mereka mendapat lebih 147 aduan melalui e-mel, telefon dan WhatsApp tentang kenaikan caruman premium insurans perubatan dan kesihatan.

"Pada 28 November lalu, BNM mengeluarkan kenyataan yang mengehendaki ITO menyemak strategi penentuan semula harga untuk memastikan pelaksanaan yang lebih wajar.

"Kenyataan ini disambut baik oleh rakyat kerana BNM sudah mendengar suara hati mereka dan rakyat mengharapkan pembelaan BNM adalah badan kawal selia kepada semua ITO di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan.



Tze Tzin (tengah) ketika sidang akhbar di Dewan Rakyat pada Rabu.

"Bagaimanapun pada 3 Disember lalu Persatuan Insurans Hayat Malaysia yang mewakili ITO telah mengumumkan bahawa kenaikan insurans akan dikekalkan. Ini jelas bercanggah dengan kenyataan BNM," katanya dalam sidang akhbar di Dewan Rakyat di sini pada Rabu.

Empat lagi wakil rakyat PKR yang membuat gesaan tersebut ialah Ahli Parlimen Sungai Petani, Mohammed Taufiq Johari; Ahli Parlimen Tebrau, Jimmy Phuah;

Ahli Parlimen Segamat R Yuneswaran dan Ahli Parlimen Miri, Chiew Choon Mun.

Sementara itu, Mohammed Taufiq berkata, BNM sepatutnya tidak hanya mengeluarkan kenyataan umum tetapi perlu mengawal selia dan memastikan bahawa reformasi tersebut benar-benar dilakukan.

"Jika ramai pencarum berhenti mencarum dan pergi ke hospital kerajaan maka ini akan membebankan hospital kerajaan," kata beliau.

SINAR HARIAN

05 DEC 2024

Tarikh:

Rakyat Malaysia yang berada di negara berkenaan masih perlu berjaga-jaga

Oleh SITI AISYAH MOHAMAD
SHAH ALAM

Waspada situasi di Korea Selatan

Rakyat Malaysia yang berada di Korea Selatan masih perlu mengambil langkah berjaga-jaga dan cakna mengenai krisis politik walaupun pengisytiharan undang-undang darurat negara itu ditank semula pada Rabu.

Pempengaruh dikenali sebagai Kim Seri Eina yang menetap di Samyang, Gangbuk-gu, Seoul berkata, keadaan dilihat masih tegang terutamanya ketika perhimpunan oleh parti pembangkang, orang awam serta tentera yang berada di kawasan berkenaan.

"Waktu darurat diumumkan, tentera membanjiri kawasan Seoul. Kawasan kejiranan saya agak bising kerana mereka saling bertanya apa yang sedang berlaku."

"Pada awalnya, saya rasa keadaan biasa sahaja tetapi tadi semasa di kelas, penyarah menerangkan tentang situasi politik sekarang."

"Katanya perlu sentiasa ambil tahu situasi semasa dan langkah berjaga-jaga dengan krisis politik yang berlaku. Keadaan juga masih tegang," ujarnya pada Rabu.



KIM SERI EINA

Agensi berita Yonhap pada Selasa melaporkan, Presiden Korea Selatan, Yoon Suk Yeol mengisytiharkan undang-undang tentera berikutan mendakwa parti pembangkang terlibat dalam 'aktiviti antinegara yang merancang pemberontakan'.

Bagaimanapun, Suk Yeol menarik balik pengisytiharan undang-undang darurat pada Rabu selepas ahli Parlimen menentang keputusan itu dan ribuan penunjuk perasaan turun ke jalanan.

Dalam pada itu, seorang jurutera yang bekerja di Osong, Korea Selatan, Mohd Fikri Mohd Jumat berkata, situasi

sudah kembali terkawal dan dalam keadaan selamat selepas penarikan semula pengisytiharan tersebut.

"Setakat ini nampak (keadaan) okey sebab presiden pun sudah tarik semula undang-undang tersebut selepas undi pagi tadi (Rabu) di Parlimen," kongsinya.

Dalam pada itu, seorang lagi rakyat Malaysia yang sedang bercuti di Korea Selatan, Aliffya Dhalaliff berkata, pihak polis negara terbabit masih dilihat berkawal



Tangkap layar hantaran Kim Seri Eina menerusi Instagram mengenai situasi semasa di Korea Selatan pada Rabu.

di sekitar Istana Gyeongbokgung walaupun keadaan sudah terkawal.

"Bagi saya, mungkin masih selamat untuk melancong ke sini kerana tiada apa-apa amaran daripada pihak berkuasa, cuma masih perlu berjaga-jaga," ujarnya.

>>> LAGI BERITA DI MUKA 31 & 32

SINAR HARIAN

Tarikh: ...0.5...DEC...2024.....

23 syarikat swasta dan badan korporat tampil bantu mangsa banjir

PUTRAJAYA

Kerajaan terima RM35.8 juta

84
5/12

Kerajaan menerima sumbangan sebanyak RM35.8 juta daripada 23 syarikat swasta dan badan korporat, khusus bagi membantu mangsa banjir di seluruh negara.

Inisiatif itu selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Isnin lepas agar syarikat swasta berganding bahu membantu mangsa banjir sama ada dari segi dana atau menghantar jentera bantuan ke kawasan terjejas.

Anwar ketika berucap pada Majlis Pengumpulan Dana Ihsan Madani di Kompleks Seri Perdana di sini pada Rabu berkata, semua dana itu akan diselaraskan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri.

"Saya minta ICU senaraikan (keperluan infrastruktur) selain daripada apa yang diperuntukkan kerajaan," katanya.

Sumbangan diterima daripada YTL Corporation Bhd dan Yayasan Albukhary, masing-masing menyumbang RM5 juta, manakala Sapura Secured Technologies, U Mobile Sdn Bhd, masing-masing menyumbang RM3 juta, dan Mah Sing Group Bhd, WCT Bhd, IJM Corporation Bhd, Kuala Lumpur Kepong Bhd, Berjaya Corporation Bhd dan Press Metal Bhd, masing-masing RM2 juta.

Westports Malaysia Sdn Bhd, Roadcare (M) Sdn Bhd, Sunway Bhd, Malaysia Resources Corporation Bhd, The Weststar Group pula masing-masing menyumbang RM1 juta, manakala Fortress Mining Sdn Bhd, Selia Selenggara Selatan Sdn Bhd,



FOTO: BERNAMA

Anwar ketika berucap pada Majlis Pengumpulan Dana Ihsan Madani Kepada Mangsa Banjir di Kompleks Seri Perdana pada Rabu.

Johawaki Holdings Sdn Bhd dan Datuk Lawrence Lim Swee Lin (sumbangan peribadi) menyumbang RM500,000.

Sumbangan turut diterima daripada Newsfields Land Sdn Bhd (RM250,000), AHAM Asset Management Bhd (RM250,000), Persatuan Pengimport dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (PEKEMA) (RM200,000) dan YHA Travel & Tours (M) Sdn Bhd RM100,000.

Perdana Menteri berkata, sumbangan itu juga akan digunakan untuk membaiki bangunan sekolah susulan ia banyak digunakan sebagai pusat pemindahan sementara (PPS).

Sumbangan juga akan digunakan

bagi menampung bantuan makanan, minuman dan uniform.

Anwar turut menyeru agar terdapat penyelarasan lebih baik antara kerajaan dan organisasi lain bagi memastikan bantuan betul-betul sampai kepada mereka yang memerlukan selain dapat mengguna pakai sumber yang ada sebaiknya.

"...saya rasa lebih baik kita salurkan, tidak semestinya jabatan kerajaan, kalau ada badan bukan kerajaan yang betul-betul realistik. Jentera-jentera kita di bawah (yang berada di lapangan), dia tahu. Kalau kita pergi sendiri, yang dah dapat bantuan (sebelum ini) kita bantu lagi. Sebab itu kita kena selaras dengan lebih efisien," katanya. - Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh: 05 DEC 2024

Masalah kesihatan mental naik dua kali ganda

8H
5/12

Laporan NHMS terhadap
kanak-kanak, remaja
dan belia di negara ini

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI
KUALA LUMPUR

Masalah kesihatan mental melibatkan kanak-kanak, remaja dan belia di negara ini menunjukkan peningkatan dua kali ganda berdasarkan Laporan Tinjauan Kesihatan Morbiditi Kebangsaan (NHMS).
Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni berkata, mengikut laporan itu, masalah mental mencatatkan kenaikan daripada 7.9 peratus iaitu 424,000 orang pada 2019 kepada 16.5 peratus (922,318 orang) pada tahun lalu.

"Ini bermaksud peningkatan sebanyak dua kali ganda berdasarkan maklumat yang kita perolehi melalui NHMS.

"Selain itu dapatan NHMS turut menunjukkan peningkatan *prevalen* tingkah laku bunuh diri dalam tempoh 10 tahun di kalangan remaja," katanya dalam waktu pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat di sini, pada Rabu.



LUKANISMAN

Beliau berkata demikian menjawab soalan **Syed Ibrahim Syed Noh (PH-Ledang)** yang meminta menteri kesihatan menyatakan secara terperinci statistik isu kesihatan mental melibatkan pelajar sekolah dan mahasiswa institusi pengajian tinggi.

Lukanisman mendedahkan, idea bunuh diri dalam kalangan remaja menunjukkan peningkatan daripada 7.9 peratus pada 2012 kepada 13.1 peratus pada 2022.

"Pelan atau rancangan bunuh diri meningkat daripada 6.4 peratus pada 2012 kepada 10 peratus pada 2022.

"Peningkatan cubaan bunuh diri juga direkodkan daripada 6.8 peratus pada 2012 kepada 9.5 peratus pada 2022," jelasnya.

Beliau berkata, bagi menangani isu masalah mental berkenaan, Kementerian Kesihatan (KKM) mengambil inisiatif mewujudkan Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan dan membangunkan Pelan Tindakan Kesihatan Mental Kanak-Kanak dan Remaja.

Menurutnya, pelan tersebut yang dibangunkan dengan kerjasama dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Tabung Kecemasan Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) dijangka dilancarkan menjelang tahun hadapan.

KKM juga menyediakan perkhidmatan talian bantuan krisis kesihatan mental iaitu Talian HEAL 15555 (Help with Empathy and Love).

"KKM menyediakan perkhidmatan kesihatan mental yang boleh diakses di 1,088 klinik kesihatan, 68 hospital dan 37 Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (Mentari) dan penempatan 200 Pegawai Psikologi (Kaunseling) Contract For Service (CFS) di daerah dan klinik kesihatan," ujarnya.

SINAR HARIAN

Tarikh: 05 DEC 2024

Menangani banjir di Malaysia



RINTIHAN
RAKYAT

DR ANIS YUSAF YUSOFF

Banjir merupakan satu bencana alam yang sering melanda Malaysia, terutamanya ketika musim tengkujuh. Setiap tahun, ribuan rakyat terjejas akibat kehilangan tempat tinggal, harta benda, dan dalam sesetengah kes, nyawa.

Masalah ini bukan sahaja memberi kesan ekonomi tetapi juga sosial kepada rakyat. Justeru, penting untuk kita menilai cabaran utama dalam menangani isu ini serta mengambil pengajaran daripada negara-negara lain yang berhadapan dengan bencana alam yang hampir sama.

Antara cabaran utama dalam menangani masalah banjir di Malaysia pada hari ini adalah: Pertama, kapasiti sistem saliran yang tidak mencukupi. Infrastruktur saliran di banyak kawasan bandar dan luar bandar tidak direka untuk menampung hujan lebat berpanjangan. Malah hujan lebat di Kuala Lumpur yang tidak panjang pun boleh menyebabkan banjir kilat di beberapa tempat. Masalah ini diburukkan dengan pembangunan pesat yang menggantikan kawasan hijau dengan konkrit.

Kedua, perubahan iklim global menyebabkan hujan lebat yang tidak menentu

dan meningkatkan risiko banjir kilat. Kesan ini sukar diramal, menjadikannya lebih mencabar untuk bersedia. Ketiga, pengurusan sumber alam yang tidak mampan. Ini dapat dijelaskan melalui aktiviti pembalakan dan penebangan hutan secara berleluasa yang mengurangkan kawasan tadahan air semula jadi, seterusnya menyumbang kepada kejadian banjir.

Perkara keempat adalah kesedaran awam dan kerjasama semua pihak. Ramai rakyat masih tidak menyedari peranan mereka dalam mencegah banjir, seperti tidak membuang sampah ke dalam longkang dan sungai. Kerjasama antara kerajaan, sektor swasta, dan komuniti juga sering kurang tersusun.

Apa yang boleh kita belajar daripada negara lain? Utara Amerika Syarikat (AS) umpamanya berhadapan dengan ribut salji tebal setiap tahun, yang boleh melumpuhkan aktiviti harian jika tidak diuruskan dengan baik. Namun, negara tersebut berjaya mengatasinya melalui pendekatan strategik yang boleh menjadi panduan kepada kita.

Pertama, sistem saliran di bandar-bandar utama Amerika Syarikat direka untuk menampung aliran air besar, sama seperti bagaimana mereka menangani cairan salji. Malaysia boleh mengambil pendekatan ini dengan melabur dalam teknologi pintar seperti sistem saliran dinamik yang dapat menyesuaikan kapasiti berdasarkan intensiti hujan.

Kedua, AS menggunakan teknologi

ramalan cuaca yang sangat maju untuk memberikan amaran awal kepada rakyat. Malaysia boleh mempertingkatkan sistem amaran banjir sedia ada dengan menggunakan data satelit dan teknologi *Internet of Things* (IoT) untuk memberi maklumat *real-time*. Lebih penting daripada maklumat awal ini adalah latihan dan kesedaran awam untuk bersiap-siaga dalam menghadapi bencana ini.

Rakyat Amerika dilatih untuk bertindak balas terhadap kecemasan salji. Di Malaysia, pendidikan berterusan dan latihan menghadapi banjir boleh diperkenalkan, termasuk latihan menyelamat dan penggunaan aplikasi kecemasan.

Ketiga, kita melihat bagaimana pematuhan perancangan bandar dilaksanakan dengan ketat. Amerika Syarikat tegas dalam menguatkuasakan peraturan perancangan bandar. Di Malaysia, pendekatan yang lebih ketat terhadap pembangunan tanah, terutama di kawasan berisiko banjir, perlu diamalkan.

Selain itu, kita perlu membaiki pulih kawasan tadahan air dalam negara dengan segera melalui penanaman semula hutan dan pemulihan kawasan tadahan air. Ini perlu dipergiatkan untuk meningkatkan keupayaan penyerapan air.

Kita juga perlu penyertaan komuniti dalam program mitigasi banjir. Inisiatif komuniti seperti program pembersihan sungai dan kempen kesedaran dapat membantu mengurangkan halangan semula jadi air. Ini penting bagi menubuhkan kesedaran bagaimana nasib alam yang

tidak dijaga akan memberi implikasi kepada kehidupan seharian kita.

Malaysia sebagai sebuah negara boleh bekerjasama dengan negara-negara maju untuk mempelajari teknologi dan kaedah pengurusan bencana. Menguruskan bencana adalah satu perkara yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak.

Hari ini, kita dapat melihat bagaimana seorang pempengaruh media sosial yang telah berjaya menggerakkan bantuan untuk mangsa banjir dengan menggunakan media sosial dengan berkesan. Apakah kita semua yang lain masih tidak dapat belajar daripada pengalaman yang lalu?

Masalah banjir di Malaysia memerlukan penyelesaian yang menyeluruh, melibatkan gabungan infrastruktur moden, kesedaran rakyat, dan penguatkuasaan peraturan. Dengan mengambil pengajaran daripada negara seperti AS, Malaysia boleh melaksanakan pendekatan yang lebih sistematik untuk menangani masalah ini. Usaha kolektif daripada semua pihak amat diperlukan bagi memastikan rakyat tidak lagi menderita akibat bencana tahunan ini.

Semoga Tuhan memelihara rakyat negara ini daripada segala bencana alam.

* Datuk Dr Anis Yusaf Yusoff ialah Pengarah Eksekutif di INPUMA & UM LEAD, Universiti Malaya. Beliau juga adalah Felo Utama di KITA, UKM dan pernah menjadi Presiden Institut Integriti Malaysia dan Timbalan Ketua Pengarah GIACC, JPM.

SINAR HARIAN

Tarikh: 05 DEC 2024

Ringgit dijangka diniagakan tinggi pada akhir tahun

3/4
5/12

KUALA LUMPUR - MIDF Amanah Investment Bank Bhd (MIDF IB) menjangka ringgit kembali mengukuh dan mengakhiri tahun ini pada RM4.30 berbanding RM4.59 pada akhir 2023.

Menurut MIDF IB dalam satu laporan, unjuran ini didorong terutamanya oleh jangkaan pelonggaran dasar seterusnya oleh Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat (AS) dan pengurangan perbezaan kadar faedah yang akan memberi kelebihan kepada mata wang pasaran sedang pesat membangun, termasuk ringgit.

"Asas ekonomi Malaysia yang kukuh berdasarkan lebih berterusan dalam imbalan dagangan dan akaun semasa turut menyokong jangkaan pengukuhan ini."

"Kami menjangka Indeks Ringgit Wajaran Dagangan MIDF (TWRI MIDF) akan meningkat kepada sekitar 93.0 pada akhir

tahun, mencerminkan potensi kenaikan berbanding mata wang lain," katanya.

Bagaimanapun, katanya, beberapa risiko yang boleh membawa kepada pengukuhan dolar AS yang berpanjangan termasuklah pendirian Fed yang lebih agresif, kemungkinan disebabkan inflasi yang kembali meningkat dan daya tahan ekonomi AS yang berterusan, yang akan mengekang peningkatan ringgit.

"Selain itu, permintaan terhadap dolar yang meningkat mungkin disebabkan aliran pelaburan kepada aset selamat yang didorong oleh kebimbangan mengenai prospek pertumbuhan ekonomi global, yang mungkin terjejas oleh ketegangan geopolitik dan perdagangan yang meningkat serta potensi pertumbuhan negara-negara utama yang lebih rendah daripada jangkaan," katanya. - Bernama



Ringgit dijangka kembali mengukuh dan mengakhiri tahun ini pada RM4.30

SINAR HARIAN

Tarikh: ...0.5...DEC..2024.....

Teknologi AI penting dalam pengurusan bandar raya

KOSMO
5/12

PUTRAJAYA – Teknologi kecerdasan buatan (AI) perlu digunakan dalam pengurusan bandar raya dengan lebih meluas bagi mengelak kesan negatif terhadap sesuatu pembangunan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, teknologi ini membolehkan computer dan mesin melaksanakan tugas yang dapat membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) menguruskan pelbagai aspek perbandaran.

Beliau berkata, ketika ini, tanpa disedari elemen-elemen perbandaran menjana pelbagai jenis data seperti trafik, kualiti alam sekitar, cuaca dan banyak lagi.

"Melalui pengumpulan data yang berstruktur dan bersepadu, ia boleh menghasilkan pelbagai jenis analisa untuk membantu pihak pengurusan membuat keputusan yang tepat.

"Malah, data-data ini juga dapat digunakan untuk membuat amalan keadaan bandar sebagai umaran awal terhadap kemungkinan berlakunya kesan negatif terhadap sesuatu pembangunan," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Digital Putrajaya Exhibition & Conference (DIPEC 2024) dan Peluncuran Pu-



FADILLAH (dua dari kanan) melawat reruai selepas majlis peluncuran Putrajaya Urban Observatory (PUO) Sempena Digital Exhibition & Conference (DIPEC) 2024 di Putrajaya semalam. – FAIZ ALIF ZUBIR

trajaya Urban Observatory (PUO) di sini semalam.

Katanya, pembangunan pesat sedikit sebanyak memberi pelbagai kesan sama ada kepada alam sekitar atau kesesakan jalan raya sekali gus memberi kesan positif kepada rakyat.

"Teknologi itu dapat meningkatkan kecekapan dan produktiviti dalam membantu pentadbir bandar membuat keputusan yang tepat dan cepat berdasarkan analisis data yang komprehensif demi kesejahteraan semua," katanya.

Ujarnya, beliau memuji tindakan Perbadanan Putrajaya (PPJ) membangunkan Putrajaya Urban Observatory (PUO) iaitu platform digital Data Raya khusus bagi membolehkan pengumpulan, perkongsian data dan analisis terhadap data-data perbandaran.

"PUO penting bagi membuat perancangan dan pembangunan bandar dengan lebih strategik dan cekap. Ia mempunyai lebih 200 lapisan data berasaskan pemetaan geospasial," katanya.

KOSMO

05 DEC 2024

Tarikh:

31,481 penjawat awam pilih bersara awal ^{Kosmo 5/12}



SERAMAI 31,481 penjawat awam memilih untuk bersara awal dalam tempoh kurang tiga tahun bermula Januari 2022. - GAMBAR HIASAN

KUALA LUMPUR - Seramai 31,481 penjawat awam memilih untuk bersara awal dari 2022 hingga September lalu dengan jumlah tertinggi direkod tahun ini membabitkan 8,199 orang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Mustafa berkata, jumlah penjawat awam yang bersara awal bagi tahun ini mengikut kategori bawah 50 tahun adalah seramai 826 orang.

"Bawah 55 tahun 5,569 orang dan bawah 60 tahun 1,804 orang. Ini menjadikan jumlah keseluruhan sehingga September 2024 seramai 8,199 orang," katanya menerusi jawapan bertulis kepada Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Lee Chuan How (**PH-Ipoh Timur**) tentang jumlah penjawat awam yang bersara awal mengikut kategori bawah 50, 55 dan 60 tahun dari Januari 2020 hingga Ogos lalu.

Dalam pada itu, Dr. Zaliha memaklumkan, kategori umur 55 tahun merekodkan angka tertinggi penjawat awam bersara awal pada 2022 iaitu seramai 7,379 orang.

Menurutnya, bagi kategori bawah 50 tahun, penjawat awam yang bersara awal pada tahun 2022 adalah seramai 979 orang, manakala bagi umur bawah 60 tahun membabitkan 2,702 orang.

Jelas beliau, angka itu menjadikan jumlah keseluruhan persaraan awal penjawat awam yang direkodkan sepanjang 2022 adalah seramai 11,065 orang.

Katanya, bagi jumlah penjawat awam bersara awal tahun lalu pula, kategori bawah 50 tahun seramai 1,166 orang, bawah 55 tahun (8,099) dan bawah 60 tahun (2,952).

"Ini menjadikan jumlah keseluruhan bagi 2023 seramai 12,217 orang," katanya.

KOSMO

05 DEC 2024

Tarikh:

Anwar beri jaminan agenda pembaharuan imbangi usaha kukuh kewangan

Ekonomi tahun depan lebih hebat

Oleh ZULKIFLI MANZOR

Kosmo 5/11

KUALA LUMPUR — Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan agenda pembaharuan akan dilaksanakan dengan lebih hebat pada tahun depan, sekali gus membolehkan ekonomi negara berkembang kukuh antara 4.5 hingga 5.5 peratus.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan akan terus mengimbangi usaha mengukuhkan kedudukan kewangan supaya lebih mampan dan memastikan dasar fiskal menyokong momentum pertumbuhan ekonomi negara.

"Langkah Belanjawan Madani Ketiga yang akan menyusul setiap penanda aras Ekonomi Madani dengan tiga tumpuan membugar ekonomi, menjaga perubahan dan mensejahterakan rakyat."

"Belanjawan Madani Ketiga memperhebat usaha pembaharuan fiskal yang lebih tegas dan bersasar," katanya ketika membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2025 bagi



GAMBAR bertarikh 18 Oktober 2024 menunjukkan Anwar (tengah) membawa beg fail dokumen Belanjawan 2025 di Kementerian Kewangan, Putrajaya sebelum menuju ke Bangunan Parlimen untuk pembentangan.

bacaan kali kedua di Dewan Negara, di sini semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri berkata, kedudukan ekonomi negara terus mengukuh selepas dua tahun pentadbiran Kerajaan Madani ekoran langkah tegas dan

berperingkat diambil bagi mengurangkan kadar defisit secara konsisten.

Kata beliau, kerajaan malah berjaya mengawal jumlah hutang baharu yang menurun daripada kira-kira RM100 bilion pada ta-

hun 2022 kepada lebih RM90 bilion pada tahun 2023 dan seterusnya dianggarkan RM85 bilion bagi tahun 2024, manakala unjuran pada tahun 2025 RM80 bilion.

Tambah beliau, angka terkini

juga menunjukkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.2 peratus bagi tempoh sembilan bulan pertama 2024, sekali gus mengatasi unjuran Belanjawan 2024 iaitu pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 2024 antara empat hingga lima peratus.

"Pengangguran setakat September lalu menurun kepada 3.2 peratus iaitu kadar terendah sejak Januari 2020, manakala tahap inflasi Oktober kekal rendah pada 1.9 peratus," katanya.

Sementara itu, Anwar berkata, beliau mengucapkan penghargaan kepada sektor swasta dan korporat kerana membantu meringankan beban mangsa banjir di beberapa negeri ketika ini.

Menurut beliau, setakat Oktober lalu, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti Permodalan Nasional Berhad, Petronas, Yayasan Hasanah dan Pharmacia telah menyalurkan bantuan bernilai lebih RM10 juta.

Tambahnya, beliau akan menerima sumbangan bantuan banjir daripada syarikat swasta terkemuka dengan jumlah terkumpul lebih RM35 juta.

KOSMO

05 DEC 2024

Tarikh:

Banjir Musim Tengkujuh

Syarikat korporat sumbang mangsa bah RM35.8 juta

PUTRAJAYA – Kerajaan menerima sumbangan sebanyak RM35.8 juta daripada 23 buah syarikat korporat khusus bagi meringankan beban mangsa banjir di beberapa negeri baru-baru ini.

Sumbangan itu berjaya dikumpulkan pada Majlis Pengumpulan Dana Ihsan Madani Untuk Mangsa Banjir yang berlangsung di Kompleks Seri Perdana, di sini semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mewakili kerajaan untuk menerima sumbangan itu.

Majlis penyerahan turut disaksikan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma), Datuk Khairul Shahril Idrus.

Sumbangan itu diterima daripada YTL Corporation Berhad dan Yayasan Albukhary yang masing-masing menyumbangkan RM5 juta manakala Sapura Secured Technologies dan U Mobile Sdn Bhd masing-masing RM3

Majlis PENGUMPULAN DANA IHSAN MADANI Kepada Mangsa Banjir



ANWAR menerima sumbangan daripada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sapura Secured Technologies, Tan Sri Shahril Shamsuddin pada Majlis Pengumpulan Dana Ihsan Madani untuk mangsa banjir di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya semalam.

juta.

Turut menyumbang, Mah Sing Group Berhad, WCT Berhad, IJ Corporation Berhad, Kuala Lumpur Kepong Berhad, Berjaya Corporation Berhad dan Press Metal Berhad masing-masing sebanyak RM2 juta.

Anwar dalam ucapan berkata, inisiatif kutipan sumbangan itu lahir secara spontan dan ia berjaya dikumpulkan dalam tempoh dua hari.

Menurutnya, beliau sangat menghargai sumbangan ol syarikat korporat ini dan da ini kelak akan diselaraskan ol Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri.

Dalam pada itu, Anwar tur menzahirkan kebimbangann mengenai kemungkinan berlal nya gelombang baharu bar terutama di negeri-negeri ya terjejas banjir baru-baru ini.

"Jadi kebimbangan ialah l mungkin ada gelombang ; terusnya. Mudah-mudah insya-Allah kita dapat kaw kata beliau.

KOSMO

Tarikh: 05 DEC 2024

31,481 penjawat awam bersara awal dari 2022 hingga September lalu

HM 5/12

Kuala Lumpur: Seramai 31,481 penjawat awam memilih untuk bersara awal dalam tempoh tiga tahun iaitu dari 2022 hingga September lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa berkata, jumlah tertinggi direkodkan pada tahun ini iaitu seramai 8,199 orang.

"Jumlah penjawat awam yang bersara awal (bagi 2024) sehingga September lalu mengikut kategori bawah 50 tahun adalah seramai 826 orang, bawah 55 tahun pula 5,569 orang dan bawah 60 tahun (1,804).

"Ini menjadikan jumlah keseluruhan sehingga September lalu seramai 8,199 orang," katanya dalam jawapan bertulis yang disiarkan di laman web Parlimen.

Beliau menjawab soalan **Lee Chuan How (PH-Ipoh Timur)** mengenai jumlah penjawat awam yang bersara awal mengikut kate-

gori bawah 50 tahun, 55 tahun dan bawah 60 tahun daripada Januari 2020 sehingga Ogos lalu.

Memperincikan jumlah penjawat awam yang bersara awal bagi 2022, beliau berkata, kategori usia 55 tahun merekodkan angka tertinggi iaitu 7,379 orang.

Sementara bagi kategori bawah 50 tahun, penjawat awam yang bersara awal adalah seramai 979 orang, manakala bagi usia bawah 60 tahun pula adalah seramai 2,702 orang.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan persaraan awal penjawat awam yang direkodkan sepanjang 2022 adalah 11,065 orang.

"Bagi jumlah penjawat awam yang bersara awal bagi tahun lalu kategori bawah 50 tahun adalah seramai 1,166 orang, bawah 55 tahun seramai 8,099 orang dan bawah 60 tahun, 2,952 orang. Ini menjadikan jumlah keseluruhan bagi 2023 seramai 12,217 orang," katanya.

HARIAN METRO
05 DEC 2024

Shah Alam: Jumlah terkini asnaf di Selangor kini melebihi 73,000 ketua keluarga dan dijangka meningkat.

Ketua Pegawai Operasi Lembaga Zakat Selangor (LZS), Ahmad Fadhil Hassan berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 70 peratus asnaf dari kawasan bandar seperti Petaling,

Klang dan Gombak.

"Peningkatan asnaf sekitar 11,000 hingga 12,000 dari tahun ke tahun. Pada tahun ini, LZS menyasarkan peningkatan 13,000 asnaf baru yang berdaftar dengan LZS.

"Asnaf kini 73,000 ke-

luarga, trend semakin meningkat.

"Jadi, kami memerlukan lebih banyak kutipan untuk santuni asnaf yang meningkat setiap tahun," katanya memyempurnakan Majlis Pelancaran Kempen Sama-Sama Kongsi LZS

2024 di sini, semalam.

Ahmad Fadhil berkata, LZS menyasarkan kutipan zakat RM1.22 bilion pada penghujung tahun ini.

"Sehingga kini, LZS menyantuni keluarga asnaf fakir, miskin dan individu mualaf di Selangor dengan

jumlah agihan sebanyak RM1 bilion.

"Semakan kami masih ada 1 juta umat Islam yang mampu membayar zakat tetapi belum membayar zakat, mungkin ada sebab tersendiri," katanya.

Beliau berkata, LZS juga

memperkenalkan satu manfaat baru yang melayakkan pembayar zakat menerima sumbangan khairat kematian RM1,500 bermula Januari depan.

"Umat Islam yang membayar zakat kepada LZS sebanyak RM500 bermula Oktober lalu layak permohonan dan menerima sumbangan itu," katanya.

Bilangan asnaf di Selangor melebihi 73,000

HM
5/12

HARIAN METRO
Tarikh: 05 DEC 2024

Rakan strategik perangi rasuah

HM
5/12

Bersama
Hisyam Mohd Yusoff



Dengan liputan yang luas dan keupayaan mempengaruhi persepsi masyarakat, media membantu meningkatkan kesedaran berkaitan bahaya rasuah dan kepentingan integriti

asuah adalah antara isu paling besar yang merosakkan integriti dalam sektor awam dan swasta.

Fenomena ini berlaku tanpa mengenal masa, tempat atau golongan. Ia sering menjadi 'jalan pintas' memperoleh projek atau peluang walaupun bertentangan dengan undang-undang dan etika.

Bukti rasuah terpampang setiap hari melalui laporan media, mendedahkan penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dana dan pemberian kontrak secara tidak sah.

Penjenayah rasuah membabitkan pelbagai latar belakang dan sering kali mereka tidak melihat diri sebagai penjenayah kerana menganggap rasuah adalah perkara 'biasa' atau 'praktikal'. Sikap ini menjadikan usaha membanteras rasuah semakin mencabar.

Justeru, media berperanan besar dalam menyebarkan maklumat dan membentuk persepsi masyarakat berkaitan rasuah.

Sejarah media Malaysia yang bermula sejak 1806 dengan penerbitan akhbar pertama, diikuti dengan kehadiran radio pada 1921 membuktikan pengaruhnya dalam membentuk pandangan masyarakat.

Dalam era digital kini, media sosial dan portal berita dalam talian menjadi sumber maklumat utama rakyat Malaysia. Laporan Digital 2023 mendapati pengguna internet di Malaysia menghabiskan purata dua jam 47 minit sehari di media sosial, lebih tinggi daripada purata global.

Platform seperti Facebook, Instagram dan TikTok memberikan akses maklumat secara meluas, menjadikannya saluran yang penting dalam menyampaikan mesej pencegahan rasuah.

• Gabungan media tradisional dan digital

Walaupun media sosial mendominasi, media tradisional seperti akhbar dan televisyen masih relevan. Bagi sesetengah golongan, khususnya warga emas, media cetak dianggap lebih boleh dipercayai berbanding sumber digital.

Gabungan antara media tradisional dan digital penting bagi memastikan mesej

pengecahan rasuah sampai kepada semua lapisan masyarakat. Media tradisional menawarkan kredibiliti, manakala media digital menyebarkan maklumat dengan pantas dan meluas.

• SPRM dan Media: Rakan Strategik

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengiktiraf peranan penting media dalam menyebarkan maklumat kes rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Dengan sokongan media, usaha SPRM membanteras rasuah mendapat perhatian masyarakat dan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai bahaya rasuah.

Liputan meluas media memberikan tekanan kepada pihak berkuasa untuk bertindak tegas. Ia sekali gus memastikan individu yang terabit diheret ke muka pengadilan.

Hakikatnya, hubungan antara SPRM dan media bersifat saling melengkapi: SPRM memberikan maklumat yang tepat manakala media menyampaikannya kepada masyarakat. Namun, tanggungjawab besar media dalam melaporkan isu rasuah tidak terlepas daripada cabaran.

Dalam era berita palsu, media perlu memastikan setiap laporan adalah sahih dan tidak sensasi semata-mata untuk menarik perhatian. Berita yang salah boleh mencetuskan spekulasi, salah faham dan menjejaskan reputasi pihak tertentu.

Pengamal media perlu peka terhadap pelbagai agenda terselindung yang dimainkan pihak tertentu untuk meraih simpati atau menyerang kredibiliti kerajaan, di mana agensi penguat kuasa seperti SPRM kerap dijadikan kambing hitam demi memenuhi kepentingan mereka.

Selain itu, media perlu bertindak secara adil, tidak menjatuhkan hukuman ke atas individu yang belum disabitkan bersalah. Wartawan perlu mematuhi prinsip kewartawanan beretika dan memastikan pelaporan mereka seimbang, berlandaskan fakta.

• Kuasa media sosial

Media sosial adalah platform yang sangat berkuasa dalam menyebarkan mesej pencegahan rasuah. Ia mampu menjangkau jutaan orang dalam masa singkat.

Namun, kuasa ini datang dengan tanggungjawab besar. Penyalahgunaan media sosial boleh mengakibatkan penyebaran fitnah, berita palsu atau jenayah siber.

SPRM boleh menggunakan kekuatan media sosial untuk mendidik masyarakat, membina jenama dan meningkatkan kesedaran mengenai bahaya rasuah. Dengan strategi yang betul, mesej pencegahan rasuah dapat disampaikan dengan lebih berkesan.

• Kebebasan media dan literasi rakyat

Kebebasan media dalam

melaporkan isu rasuah perlu disokong namun ia perlu dilaksanakan dengan beretika. Literasi media dalam kalangan rakyat juga penting bagi melahirkan masyarakat yang bijak dalam menilai dan memberi maklum balas terhadap berita atau isu semasa.

Netizen dan media perlu memainkan peranan masing-masing secara bertanggungjawab. Kritikan terhadap isu rasuah perlu bersifat membina, berlandaskan fakta dan tidak dipenuhi kebencian atau tuduhan tidak berasas.

Secara kesimpulannya, media adalah sekutu penting dalam perjuangan menentang rasuah. Dengan liputan yang luas dan keupayaan mempengaruhi persepsi masyarakat, media membantu meningkatkan kesedaran berkaitan bahaya rasuah dan kepentingan integriti.

Kerjasama antara SPRM dan media memastikan mesej pencegahan rasuah disampaikan dengan berkesan kepada semua lapisan masyarakat. Gabungan antara media cetak, elektronik dan sosial memberikan impak maksimum dalam usaha membanteras rasuah. Dengan sokongan semua pihak, diharapkan Malaysia dapat melangkah ke hadapan sebagai sebuah negara bebas rasuah.

Penulis Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

dialog kotaraya oleh juragan



Kuala Lumpur: Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar mengingatkan penjawat awam supaya sentiasa memberikan perkhidmatan terbaik tanpa mengira status individu berkenaan dalam masyarakat.

Beliau berkata, penjawat awam juga perlu melaksanakan tugas berlandaskan nilai M.A.L.A.Y.S.I.A iaitu Mesra, Adil, Luhur, Amanah, Yakin, Setia, Islah dan Arif.

"Tidak kira dia siapa, anda berkhidmat kepadanya tanpa mengira pangkat...kerajaan hari ini di bawah reformasi saya, anda perlu melayan semua orang sama rata. Berikan perkhidmatan terbaik untuk semua," katanya ketika menyampaikan ucapan

Beri khidmat terbaik tanpa mengira status

HM
5/12

pada Program Santai Ketua Setiausaha Negara bersama Media di sini, kelmarin.

Shamsul Azri berkata, penjawat awam juga perlu berbangga dengan tugas mereka berkhidmat untuk rakyat dan kerajaan.

Program itu turut dihadiri Timbalan Ketua Setiausaha Kewangan dan Pembangunan Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hallin Hamzah, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Khairus Masnan Abdul Khalid serta Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Shukor Mahmood. - Bernama



SHAMSUL Azri (dua dari kiri) bersama Ketua Pegawai Eksekutif Bernama, Nur-ul Afida Kamaludin (kanan) pada Program Santai Ketua Setiausaha Negara bersama Media, kelmarin.

"Tidak kira dia siapa, anda berkhidmat kepadanya tanpa mengira pangkat...kerajaan hari ini di bawah reformasi saya, anda perlu melayan semua orang sama rata. Berikan perkhidmatan terbaik untuk semua"

Ketua Setiausaha Negara,
Tan Sri Shamsul
Azri Abu Bakar

HARIAN METRO
Tarikh: **05 DEC 2024**...

LZS sasar zakat RM1.22b untuk terus santuni asnaf

Shah Alam: Lembaga Zakat Selangor (LZS) merekodkan jumlah terkini asnaf di Selangor melebihi 73,000 ketua keluarga dan dijangka terus meningkat dalam kalangan masyarakat.

Ketua Pegawai Operasi LZS, Ahmad Fadhil Hassan, berkata daripada jumlah itu sebanyak 70 peratus asnaf dari kawasan bandar seperti Petaling, Klang, Hulu Langat dan Gombak.

"Peningkatan asnaf sekitar 11,000 hingga 12,000 dari tahun ke tahun. Pada tahun ini, LZS menasaskan peningkatan 13,000 asnaf baharu yang berdaftar dengan LZS.

"Asnaf di Selangor kini 73,000 keluarga dan trend semakin meningkat. Jadi kita memerlukan lebih banyak lagi kutipan untuk menyantuni asnaf yang meningkat setiap tahun.

"Mereka ini rata-rata asnaf bandar dengan 70 peratus daripada datang dari bandar seperti Klang, Petaling, Gombak, Hulu Langat yang didapati mempunyai asnaf ramai di Selangor.

"Mengikut kadar had kifayah dari segi syariah dan fatwa, sekiranya pendapatan isi rumah di bawah RM2,990 keluarga itu layak memohon dan dibanci un-



Ahmad Fadhil (duduk tengah) bersama penerima zakat pada Majlis Pelancaran Kempen Sama-Sama Kongsi LZS 2024 di Lembaga Zakat Selangor Cawangan Alami Seksyen 13, Shah Alam, semalam. (Foto Faiz Anuar/BH)

tuk menjadi asnaf di Selangor," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Kempen Sama-Sama Kongsi LZS 2024 di LZS Cawangan Alami Seksyen 13, di sini, semalam.

Ahmad Fadhil berkata, LZS menasaskan kutipan zakat sebanyak RM1.22 bilion pada penghujung tahun ini agar da-

pat terus menyantuni keluarga asnaf di Selangor.

"Sehingga kini, LZS menyantuni keluarga asnaf fakir, miskin dan individu muallaf di Selangor dengan jumlah agihan sebanyak RM1 bilion.

"Semakan LZS, masih ada 1 juta umat Islam yang mampu membayar zakat, tetapi belum membayar zakat.

Mungkin ada sebab tersendiri

tetapi ini cara kami menggalakkan mereka, di samping menyebarkan kesedaran untuk memotivasikan mereka menunaikan kewajipan zakat.

"Ini amat penting kerana keperluan bantuan dalam kalangan asnaf di Selangor amat ketara," katanya.

Beliau berkata, LZS turut memperkenalkan satu manfaat baharu yang melayakkan pem-

bayar zakat menerima sumbangan khairat kematian sebanyak RM1,500 bermula Januari tahun depan.

"Umat Islam membayar zakat kepada LZS sebanyak RM500 bermula Oktober lalu layak memohon dan menerima sumbangan itu.

"Program khairat adalah program terbaharu yang mana LZS memberi sumbangan RM1,500 sekiranya berlaku kematian pembayar zakat berkenaan," katanya.

Selain manfaat khairat katanya, dua manfaat lain yang ditawarkan kepada pembayar zakat di Selangor, iaitu Wakalah dan Siddiq.

"Wakalah adalah peluang pembayar zakat menjadi wakil kepada LZS untuk mengagihkan sendiri wang zakat yang ditunaikan kepada asnaf yang layak berdasarkan syarat dan garis panduan ditetapkan.

"Siddiq pula, pembayar zakat yang membuat bayaran zakat harta minimum RM500 layak untuk menerima Sumbangan Pendidikan Zakat kepada anak-anak pembayar dengan kadar RM100 setiap anak (maksimum lima) yang berusia tujuh hingga 17 tahun," katanya.

BERITA HARIAN

Tarikh.....0.5...DEC...2024.....

PM hargai bantuan ringan beban mangsa bah

Kelebihan perlu dihebah bagi menonjol semangat perpaduan jadi keunikan Malaysia

Oleh Fahmy A Rosli
ahmy.azril@bh.com.my

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang bersama-sama menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir.

Beliau menunjukan ucapan erima kasih kepada rakyat berbilang kaum dan agama, agensi dan penjawat awam, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan pasukan keselamatan, sektor swasta serta pertubuhan masyarakat sivil, semuanya bertugas secara sukarela dan bertanggungjawab dalam tugas.

Justeru, katanya, kelebihan tu perlu dihebah bagi menonjolkan semangat perpaduan yang menjadi keunikan Malaysia, yang tiada pada kebanyakan negara lain.

"Saya lontarkan sedikit pandangan, kalangan pegawai dan penjawat awam bertugas secara sukarela serta bertanggungjawab dalam menyempurnakan tugas. Tentera, bomba, APM (Angkatan Pertahanan Awam), ATM (Angkatan Tentera Malaysia), semua sekali 80,000 orang.

"Kemudian kita ada masyarakat sivil dan rakan GLC, bank,

syarikat swasta dan individu. Macam berlaku di Kelantan, kawan saya maklum, dia bukan (wakil) persatuan, dia peniaga Cina sederhana, dia kumpul sekitar 10 lori besar barang makanan dan hantar (kepada mangsa banjir)," katanya.

Berucap pada Majlis Pengumpulan Dana Ihsan MADANI untuk mangsa banjir di Kompleks Seri Perdana, di sini, Anwar berkata, ia adalah cerita positif di Malaysia apabila rakyat daripada semua kaum dan agama bersama-sama mengambil tanggungjawab.

"Ada masalah, rakyat turun (bantu), ini yang kita patut bantu hebahkan kerana ini berita positif. Kadang-kadang (berita) pergelutan soal kaum, soal agama, perselisihan, tetapi ini cerita yang sangat positif. Saya lihat perkembangan ini, banyak negara tak boleh macam itu," katanya.

Di pihak kerajaan, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, berkata persiapan dan kesiapsiagaan menghadapi banjir diuruskan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara,

Semua agensi perlu bersedia

Putrajaya: Bimbang berlaku gelombang kedua banjir, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan semua agensi berkaitan berada dalam keadaan bersiap sedia.

"Kebimbangan ialah kemungkinan mengikut MET Malaysia, ada *second wave*. Mudah-mudahan, insya Allah kita dapat kawal," katanya berucap pada Majlis Pengumpulan Dana Ihsan MADANI untuk mangsa banjir, semalam.

Menurutnya, keseluruhan mangsa banjir direkodkan sejak awal bencana itu bermula sehingga semalam mencecah 235,706 orang, angka tertinggi pernah direkodkan.



Anwar bersama sebahagian penyumbang pada Majlis Pengumpulan Dana Ihsan MADANI untuk mangsa banjir di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

bermula sekitar dua hingga tiga bulan lebih awal sebelum bencana.

Namun, beliau mengakui, segala perancangan dirancang jawatankuasa itu yang diketuai Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi selaku pengerusi, ada yang tidak sempurna.

"Tentunya tidak sempurna, tetapi setidaknya kita akui sesuatu usaha yang bersungguh-sungguh. Bagi yang turun ke bawah, boleh lihat dedikasi penjawat awam kita, termasuk juga masyarakat sivil dan peniaga-peniaga yang begitu baik.

"Tentulah kita tak boleh katakan (sebut) semua (pihak yang membantu), tetapi sebahagian besar yang diperhatikan, laporan sangat membanggakan.

"Bila saya usulkan sektor swasta juga terlibat, saya tahu memang sudah ada ambil ikhti-

bar," katanya.

Kekuatan luar biasa rakyat

Anwar yang turut menzahirkan penghargaan sama ketika membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2025 bacaan kedua di Dewan Negara sebelumnya, berkata bantuan swasta dan korporat di samping kerajaan Persekutuan dan negeri, pihak berkuasa dan jentera kerajaan, menunjukkan kekuatan luar biasa rakyat untuk bersama membantu menyelesaikan masalah.

"Saya rasa mesej ini penting dan jelas kepada rakyat bahawa kita ini kerja berpasukan dan komitmen itu menyeluruh dalam kalangan semua masyarakat, semua kaum. Inilah keunikan yang ada pada Malaysia," katanya.

Setakat Oktober lalu, katanya, GLC seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB), Petronas, Khazanah Nasional melalui Yayasan Hasanah dan Pharmania telah menyalurkan bantuan lebih RM10 juta.

"Kita syukur, apabila kita buat seruan kepada sektor korporat untuk turut membantu. Selama ini memang ada Khazanah, bank-bank, selain GLC seperti PNB, Petronas, Yayasan Hasanah dan Pharmania. Sebaik kita umum hasrat, dalam dua hari dapat RM35 juta tanpa apa-apa kempen tambahan.

"Inilah pentingnya kalau kita

urus tatalakla dengan baik, tidak punggah kekayaan untuk diri sendiri, peribadi dan untuk kayakan keluarga," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri mempertahankan tindakan Kementerian Pendidikan (KPM) memindahkan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024 yang terjejas akibat banjir ke asrama sementara, yang disifatkan beliau langkah tepat.

"Untuk keputusan KPM meneruskan peperiksaan (SPM), pembangkang cuba untuk eksploitasi isu. Kita berdepan isu ini untuk tempoh berdekad, tidak pernah menagguhkan peperiksaan.

"Kita mesti bersyukur dan berterima kasih kepada semua jentera, termasuk polis, tentera, bomba, APM (Angkatan Pertahanan Malaysia) dan lain-lain yang terlibat (dengan pemindahan pelajar terjejas)," katanya.

Berdasarkan rekod sebelum ini, kata Perdana Menteri, ada calon SPM terjejas banjir yang ditempatkan di asrama berjaya memperoleh keputusan peperiksaan lebih baik kerana ada bimbingan guru dan ada rakan-rakan bersama mengulangkaji.

"Saya hanya katakan idea (pindahkan calon ke asrama, tidak tangguh SPM) tidaklah buruk, tapi sudah tentu buku dan pen rosak yang menjadi isu besar dibangkitkan pembangkang. Ini peperiksaan lisan, tidak perlukan buku dan pen," katanya.

23 syarikat swasta, badan korporat sumbang RM35.8j

Putrajaya: Sebanyak 23 syarikat swasta dan badan korporat sama-sama menyumbang RM35.8 juta untuk membantu mangsa banjir melalui penyaluran oleh Unit Penyaluran Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Bantuan berkenaan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Majlis Pengumpulan Dana Ihsan ADANI untuk mangsa banjir di

Kompleks Seri Perdana, di sini.

Sumbangan diterima daripada YTL Corporation Bhd dan Yayasan Albukhary, masing-masing menyumbang RM5 juta; Sapura Secured Technologies, U Mobile Sdn Bhd, Mah Sing Group Bhd, WCT Bhd, IJM Corporation Bhd, Kuala Lumpur Kepong Bhd, Berjaya Corporation Bhd dan Press Metal Bhd (masing-masing RM5 juta).

Westports Malaysia Sdn Bhd, Roadcare (M) Sdn Bhd, Sunway Bhd, Malaysia Resources Corporation Bhd, The Weststar Group (masing-masing RM1 juta); Fortress Mining Sdn Bhd, Selia Selenggara Selatan Sdn Bhd, Johawaki Holdings Sdn Bhd dan Datuk Lawrence Lim Swee Lin (masing-masing RM500,000).

Selain itu, Newsfields Land Sdn Bhd (RM250,000),

AHAM Asset Management Bhd (RM250,000), Persatuan Pengimport dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (RM200,000) dan YHA Travel & Tours (M) Sdn Bhd (RM100,000).

Menurut Perdana Menteri, dana itu akan digunakan untuk membaiki infrastruktur terjejas akibat banjir, termasuk bangunan dan kemudahan di sekolah yang banyak digunakan sebagai

pusat pemindahan sementara (PPS), selain bagi menampung keperluan makanan, minuman serta pakaian seragam pelajar.

Beliau turut menyarankan bantuan diselaraskan lebih baik di antara kerajaan atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan organisasi bagi memastikan ia betul-betul sampai kepada mereka yang memerlukan dan digunakan sebaik mungkin.

BERITA HARIAN
Tarikh... 05 DEC 2024...

Penduduk menggunakan perahu untuk urusan harian di Kampung Kajang Sebidang, Tumpat, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Siap siaga hadapi gelombang kedua banjir mulai Ahad

Jawatankuasa Pengurusan Bencana diarah ambil inisiatif bantu mangsa

Oleh Mahani Ishak dan Ila Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Jawatankuasa Pengurusan Bencana peringkat negeri dan daerah diarahkan bersiap sedia menghadapi gelombang kedua banjir yang dijangka melanda Pahang dan Johor, bermula Ahad hingga 14 Disember depan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata kerajaan MADANI kini memberikan tumpuan sepenuhnya dan bersedia menghadapi sebarang kemungkinan berikutan gelombang kedua banjir itu.

"Saya mahu Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melalui setiap jabatan, agensi dan anak syarikat untuk mengambil inisiatif sesuai menghadapi banjir serta mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku.

"Saya semua mahu Ketua Setiausaha (KSU), Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) menggerakkan setiap agensi dan bahagian untuk mengambil inisiatif yang sesuai bagi membantu mangsa banjir," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan KKDW di Dewan Sri Lestari di sini, semalam.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, banjir yang melanda

Pantai Timur, khususnya Kelantan dan Terengganu adalah lebih teruk berbanding bencana sama pada 2014.

"Banjir tahun ini sangat luar biasa dan lebih teruk dari 2014 dengan 1 Disember lalu menjadi kemuncak bencana yang membatikan kira-kira 153,000 mangsa daripada 45,000 keluarga.

"Namun, kita bersyukur kerana sehingga kini hanya tinggal kira-kira 60,000 yang masih berlindung di pusat pemindahan sementara (PPS)," katanya.

Sementara itu, pada sidang media, Ahmad Zahid berkata, tahap kesiapsiagaan negara sangat tinggi berikutan sebelum ini agensi mengadakan simulasi untuk kesiapsiagaan itu sejak sebelum gelombang pertama.

"Kita harap Pahang dan Johor bersiap kerana luruhan hujan akan berlaku di dua negeri negeri itu dan air sungai dari Terengganu akan mengalir ke Pahang dan Johor.

"Jadi, untuk kawasan luar bandar, kita sudah menubuhkan skuad insan yang akan membantu atas kapasiti badan sukarela termasuk membantu Orang Asli untuk menggerakkan skuad ke

semua kawasan terjejas. Malah di kawasan FELDA, FELCRA dan RISDA serta Lembaga Kemajuan juga skuad digerakkan," katanya.

Beliau berkata, beberapa cadangan usaha akan dilaksanakan di peringkat kementerian, iaitu mengambil langkah pertama memperhalusi dan menilai rumah di kawasan desa yang rosak akibat banjir, termasuk menyediakan rumah baharu atau bantuan membaiki pulih kediaman yang terjejas.

Pulihkan kawasan terjejas
Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata peruntukan segera yang dimohon Perikatan Nasional (PN) bagi Ahli Parlimen pembangkang di kawasan terjejas banjir menyalurkan bantuan kepada mangsa musibah akan diputuskan selepas bencana berakhir.

Katanya, ketika ini kerajaan mahu menumpukan dahulu perkara berkaitan pemulihan di kawasan yang terjejas banjir.

Beliau berkata, ia termasuk kerosakan infrastruktur, kemudahan serta bangunan yang mem-

TIP KESELAMATAN MAKANAN SEMASA BANJIR

Sentiasa minum air yang telah dimasak atau air terawak yang dibotolkan. Penggunaan air mineral digalakkan

Makan makanan yang telah dimasak sahaja

Elakkan makanan mentah seperti ulam-ulaman serta sayur-sayuran yang tidak dimasak dan makanan basi atau rosak

Jangan makan makanan yang terendam dalam air banjir

Tutup makanan supaya tidak dicemari makhluk perosak seperti lipas, lalat atau tikus

Pastikan penyediaan susu yang selamat untuk anak

Percayakan deria anda dan amalkan 'lihat hidu dan rasa'

Jangan makan makanan yang telah dihidang lebih dari 4 jam

Jaga kebersihan diri dan persekitaran

Sentiasa cuci tangan dengan betul terutamanya sebelum makan dan selepas ke tandas

Infografik BH

Sebahagian kawasan yang terjejas dan masih digenangi air di Tumpat, semalam berikutan limpahan air dari Sungai Golok. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

KDN jamin keselamatan data MyKad terpelihara

5/12

Kuala Lumpur: Kerajaan memberi jaminan keselamatan data kad pengenalan atau MyKad rakyat negara ini, sentiasa terpelihara dan berada dalam keadaan selamat.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata setakat ini tiada insiden kebocoran data MyKad seperti didakwa sambil mengesahkan rakyat berhati-hati terhadap penyebaran maklumat tidak sah.

Beliau berkata, pemeriksaan rapi yang dilakukan agensi keselamatan, termasuk Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) berhubung dakwaan itu mendapati ia tidak benar sama sekali.

"Dakwaan itu timbul dari seorang pengguna media sosial

pamerkan beberapa keping MyKad, tetapi dia dakwa 17 juta. Saya segera semak dengan JPN dan Agensi Keselamatan Siber Kebangsaan (NACSA) yang berfungsi sebagai pihak berkuasa keselamatan teknologi maklumat kerajaan dan kedua-duanya sahkan tiada insiden kebocoran dilapor.

"Kita minta orang ramai berhati-hati apabila terima maklumat sebegini, mudah sekali untuk sebar dengan papar beberapa keping dan beritahu 17 juta, saya harap perkara ini dihentikan," katanya pada sidang



Saifuddin Nasution

media di Jitra, Kedah, semalam.

Terdahulu, Saifuddin melawat pusat pemindahan sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan Bukit Tinggi yang menempatkan mangsa banjir sekitar kawasan Kepala Batas.

Mengulas lanjut, Saifuddin memberi

jaminan, integriti data dan maklumat populasi rakyat adalah terpelihara di bawah pengawasan JPN.

Sementara itu, analisis awal Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) berhubung dak-

waan kebocoran data MyKad milik 17 juta rakyat itu mendapati ia bukan sampel pelanggaran data terbaharu.

Ketua Pengarah NACSA, Ir Dr Megat Zuhairy Megat Tajuddin, berkata analisis National Cyber Coordination and Command Centre (NC4) itu berdasarkan sampel dijadikan sebagai bukti pelanggaran data MyKad bertarikh antara 2015 dan 2017.

Katanya, sampel lapuk itu sudah disebar dalam forum atas talian tanpa pengesahan yang boleh dipercayai berhubung kaitannya sebarang insiden keselamatan semasa.

Tambahnya, NACSA melalui NC4 juga masih belum menerima laporan insiden berkaitan

MyKAD daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

"NACSA sentiasa memantau dan bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan undang-undang yang lain, malah sentiasa komited memastikan kedaulatan dan keselamatan negara terpelihara," katanya.

Timbalan Pengarah (Siasatan) Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Bukit Aman, Datuk Rohaimi Md Isa, berkata Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga tidak menerima sebarang laporan berhubung dakwaan 17 juta data MyKad dibocorkan dan dijual di web gelap atau darkweb.

"JSJK terus melakukan pemantauan bagi menentukan kesahihan maklumat," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh... 05 DEC 2024

Media pencetus kesedaran rakyat tolak normalisasi amalan rasuah

BH 5/12



Pengarah
Bahagian
Komunikasi
Strategik, SPRM

Oleh Hisham Mohd Yusoff
bhrencana@bh.com.my

Rasuah adalah salah satu isu paling besar merosakkan integriti dalam sektor awam dan swasta. Fenomena ini berlaku tanpa mengenal masa, tempat atau golongan.

Isa sering menjadi jalan pintas untuk memperoleh projek atau peluang, walaupun bertentangan dengan undang-undang dan etika. Setiap hari ada sahaja laporan media mendedahkan penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dana dan pemberian kontrak secara tidak sah.

Penjenayah rasuah datang daripada pelbagai latar belakang dan mereka tidak melihat diri sebagai penjenayah kerana menganggap rasuah perkara 'biasa' atau 'praktikal'.

Sikap ini menjadikan usaha membanteras rasuah semakin mencabar. Media berperanan besar menyebarkan maklumat dan membentuk persepsi masyarakat menentang rasuah.

Pada era digital, media sosial dan portal berita dalam talian menjadi sumber maklumat utama rakyat. Laporan Digital 2023 mendapati pengguna internet di Malaysia menghabiskan purata 2 jam 47 minit sehari di media sosial, lebih tinggi daripada purata global. Walaupun media sosial mendominasi, media tradisional seperti akhbar dan televisyen masih relevan. Bagi sesetengah golongan, khususnya warga emas, media cetak dianggap lebih boleh dipercayai berbanding sumber digital.

Gabungan antara media tradisional dan digital

penting untuk memastikan mesej pencegahan rasuah sampai kepada semua lapisan masyarakat.

Media tradisional menawarkan kredibiliti, manakala media digital menyebarkan maklumat dengan pantas dan meluas. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengiktiraf peranan penting media dalam menyebarkan maklumat mengenai kes rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Dengan sokongan media, usaha SPRM membanteras rasuah mendapat perhatian masyarakat dan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai bahaya rasuah. Liputan meluas media memberikan tekanan kepada pihak berkuasa untuk bertindak tegas, sekali gus memastikan individu terbabit rasuah diheret ke muka pengadilan.

SPRM, media saling melengkapi

Hubungan antara SPRM dan media bersifat saling melengkapi. SPRM memberikan maklumat tepat, manakala media menyampaikannya kepada masyarakat. Namun, tanggungjawab besar media dalam melaporkan isu rasuah tidak terlepas daripada cabaran. Pada era berita palsu, media perlu memastikan setiap laporan adalah sahih dan tidak sensasi semata-mata menarik perhatian.

Pengamal media perlu peka terhadap pelbagai agenda terselindung dimainkan pihak tertentu untuk meraih simpati atau menyerang kredibiliti kerajaan, termasuk SPRM kerap dijadikan kambing hitam demi memenuhi kepentingan mereka.

Media sosial pula adalah platform sangat berkuasa menyebarkan mesej pencegahan rasuah. Ia

mampu menjangkau berjuta-juta orang dalam masa singkat. Namun, kuasa ini datang dengan tanggungjawab besar.

Penyalahgunaan media sosial boleh mengakibatkan penyebaran fitnah, berita palsu atau jenayah siber. SPRM boleh menggunakan kekuatan media sosial untuk mendidik masyarakat, membina jenama dan meningkatkan kesedaran bahaya rasuah. Dengan strategi betul, mesej pencegahan rasuah dapat disampaikan dengan lebih berkesan. Kebebasan media melaporkan isu rasuah perlu disokong, namun ia harus dilaksana beretika.

Literasi media dalam kalangan rakyat penting untuk melahirkan masyarakat bijak menilai dan memberi maklum balas terhadap berita atau isu semasa. Netizen dan media perlu memainkan peranan secara bertanggungjawab. Kritikan terhadap isu rasuah harus bersifat membina, berlandaskan fakta dan tidak dipenuhi kebencian atau tuduhan tidak berasas.

Media adalah sekutu penting dalam perjuangan menentang rasuah. Dengan liputan luas dan keupayaan mempengaruhi persepsi masyarakat, media membantu meningkatkan kesedaran bahaya rasuah dan kepentingan integriti. Kerjasama antara SPRM dan media memastikan mesej pencegahan rasuah disampaikan dengan berkesan kepada semua lapisan masyarakat.

Gabungan antara media cetak, elektronik dan sosial memberikan impak maksimum dalam usaha membanteras rasuah. Dengan sokongan semua pihak, Malaysia diharap dapat melangkah sebagai negara bebas rasuah.

BERITA HARIAN
Tarikh... 05 DEC 2024.....

Zakat: LZS optimis kutip RM1.22b

Oleh ISKANDAR SHAH
MOHAMED
utusannews@mediamulla.com.my

SHAH ALAM: Lembaga Zakat Selangor (LZS) optimis kutipan zakat mampu melebihi sasaran berjumlah RM1.22 bilion yang ditetapkan pada tahun ini.

Ketua Pegawai Operasinya, Ahmad Fadhl Hassan berkata, rekod terbaharu kutipan sebanyak RM844 juta sehingga bulan lalu dan dijangka meningkat pada bulan ini melibatkan 40 peratus pembayar zakat.

"Kutipan RM1.22 bilion mampu dicapai berikutan trend pembayaran zakat kebiasaannya bertambah pada Disember yang dianggap bulan puncak tahun ini.

"Kita menasaskan kutipan RM400 juta lagi bagi memastikan jumlah itu turut melebihi RM1.12 bilion pada tahun lalu," katanya selepas melancarkan Kempen Sama-Sama Kongsi, semalam.

Jelasnya, seramai 322,000

pengeluar zakat di Selangor sama ada individu dan syarikat korporat telah menunaikan kewajipan itu.

"Sepanjang tempoh 11 bulan pertama ini, LZS turut mengagihkan zakat berjumlah RM1 bilion. Justeru, kerjasama semua pembayar zakat amat diperlukan bagi memastikan pengagihan itu turut mencapai sasaran RM1.2 bilion," ujarnya.

Tambah beliau, rekod pihaknya turut mendapati jumlah asnaf mencatatkan peningkatan kira-kira 13,000 orang sekali gus melebihi 73,000 individu ketika ini.

Sementara itu, Ahmad Fadhl berkata, pembayar zakat sebanyak RM500 di Selangor layak menerima sumbangan khairat kematian RM1,500 berkuat kuasa mulai Januari tahun depan.

"Skim dilaksanakan sejak Oktober lalu itu melayakkan pengeluaran zakat menerima sumbangan berkenaan jika berlaku sebarang kematian selepas tempoh tiga bulan," katanya.



AHMAD Fadhl Hassan melancarkan Kempen Sama-Sama Kongsi dekat Ibu pejabat Lembaga Zakat Selangor, Seksyen 13 di Shah Alam, Selangor, semalam. - UTUSAN /SADDAM YUSOFF

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: ...0.5...DEC...2024....



**NAMA
DR. SALINAH
JAAFAR**

BAHASA Melayu atau bahasa Malaysia merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara ini. Sewajarnya penggunaan bahasa Melayu diutamakan dalam setiap urusan dan juga setiap paparan yang berkaitan dengan maklumat negara ini.

Sudah jelas termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, bahasa rasmi digunakan dalam urusan kerajaan ialah bahasa Melayu.

Penamaan papan tanda di negara ini merupakan urusan rasmi yang terletak di bawah kelolaan kerajaan tempatan. Maka, demi menjaga identiti dan jati diri negara Malaysia, sewajarnya penulis papan tanda mengutamakan bahasa Melayu.

Namun begitu, penggunaan bahasa Melayu bersama bahasa lain yang sesuai seperti bahasa Inggeris bagi tujuan rujukan bukan penutur bahasa Melayu tidak dilarang. Bahkan penggunaan dwibahasa, bahasa Melayu dengan terjemahan bahasa Inggeris penting bagi memudahkan penutur asing yang tidak tahu berbahasa Melayu memahami maklumat yang diberikan.

Penulisan papan tanda, nama jalan dan perkara-perkara yang sama perlulah mengutamakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi.

Singapura misalnya, menggunakan dua bahasa, bahkan ada keadaan papan tanda ditulis dalam tiga atau empat bahasa mengikut kesesuaian kawasan yang menjadi perkara utama.

Penulisan papan tanda di Singapura mengutamakan bahasa Inggeris beserta bahasa Melayu dan ada yang memasukkan bahasa Cina dan Tamil bergantung kepada lokasi. Bagi lokasi biasa, papan tanda ditulis menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Hal ini berlaku kerana bahasa Inggeris adalah bahasa komunikasi dan bahasa rasmi, manakala bahasa Melayu, bahasa Mandarin, bahasa Tamil dan bahasa Inggeris merupakan bahasa kebangsaan Singapura.

Beralih ke negara Perancis, Undang-undang Toubon diperkenalkan pada 1992 ke dalam Perlembagaan. Bahasa Republik adalah bahasa Perancis (Artikel 2). Sehubungan dengan itu, undang-undang ini diguna pakai untuk memastikan hak warganegara Perancis



PENGUNAAN bahasa Melayu perlu menjadi keutamaan memandangkan ia merupakan bahasa kebangsaan sebagaimana bahasa diperuntukkan dalam Perlembagaan.

Bahasa kebangsaan tetap merupakan identiti negara



Kenyataan persepsi negatif pelancong terhadap papan tanda yang menggunakan bahasa Melayu ini agak keterlaluan bagi seorang rakyat Malaysia."

dipelihara dalam sebarang urusan berkaitan dengan kertas urusan rasmi, yang berkaitan dengan kontrak bekerja dan yang berkaitan dengan persembahan produk kepada pengguna, panduan, arahan serta peringatan produk, menyuarakan pendapat dan apa-apa maklumat yang diterima adalah dalam bahasa Perancis.

Perintah pelaksanaannya pada 3 Julai 1996 menempatkan mekanisme untuk memperkaya dan memperkasakan lagi Bahasa Perancis. Arahan ini mewajibkan penggunaan bahasa Perancis dalam perkhidmatan dan institusi awam di seluruh negara (perintah perkara 11 dan 12), seperti mana dijelaskan seperti berikut:

- Artikel 11 - Penggunaan perbendaharaan kata serta kenyataan yang diterbitkan dalam Jurnal Rasmi diwajibkan selagi terdapatnya kosa kata dan kenyataan yang sama maksudnya dalam bahasa asing. Di dalam perintah, pekeliling, arahan serta panduan kementerian, wakil kerajaan atau dokumen, yang apa jua keadaan, yang bersumberkan perkhidmatan awam dan perbadanan negara. Dalam kes-kes yang terkandung dalam Perkara 5 dan 14 seperti dipetik dalam undang-undang 4 Ogos 1994 berkaitan penggunaan bahasa Perancis. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam akan memantau penggunaan istilah dalam perkara dan ungkapan yang diterbitkan.
- Artikel 12 - Senarai perbendaharaan kata dan kenyataan yang disahkan di bawah undang-undang pemerkasaan bahasa Perancis yang dilaksanakan sebelum ini diterapkan ke dalam senarai yang diterbitkan di bawah Arahan Majlis. Arahan ini boleh diubah selari dengan prosedur yang ditetapkan di dalam Perintah Perkara 7 hingga 10.

TIDAK WUJUD PERSEPSI NEGATIF

Berbalik kepada isu penguatkuasaan peraturan terhadap papan tanda di sekitar Kuala Lumpur oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) baru-baru ini. Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tiong King Sing mendakwa tindakan DBKL menguatkuasakan peraturan papan tanda dwibahasa itu mencetuskan tindak balas melampaui batas, menimbulkan rasa tidak puas hati serta mewujudkan persepsi negatif dalam kalangan pelancong.

Kenyataan ini tidak mematuhi perkara yang termaktub dalam Perlembagaan bahawa bahasa Melayu adalah bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara Malaysia. DBKL bukanlah menguatkuasakan penggunaan bahasa Melayu semata-mata, sebaliknya menguatkuasakan penggunaan bahasa Melayu di samping bahasa lain yang mungkin dapat membantu penutur atau pelancong asing memahami makna papan tanda yang ada.

Kenyataan persepsi negatif pelancong terhadap papan tanda yang menggunakan bahasa Melayu ini agak

keterlaluan bagi seorang rakyat Malaysia. Beliau seharusnya bekerjasama dalam memartabatkan bahasa kebangsaan di samping menghormati bahasa-bahasa dunia yang lain. Perlu juga dilihat pelancong yang manakah akan melihat penggunaan bahasa Melayu di samping bahasa Inggeris atau Mandarin sebagai satu perkara yang negatif.

Adakah ketika kita melancong ke Jepun, Korea, China atau negara Barat seperti Perancis, Sepanyol, dan lain-lain lagi kita akan melihat penggunaan bahasa kebangsaan mereka sebagai satu perkara negatif? Dalam soal ini jati diri dan penghayatan kepada Rukun Negara adalah tonggak kepada jiwa bangsa, lebih-lebih lagi apabila kita ingin mengukuhkan dan mendirikan negara bangsa Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum.

Demi perpaduan negara dan rakyat yang pelbagai kaum inilah penguatkuasaan terhadap mengutamakan bahasa kebangsaan amat penting dan wajar dilaksanakan.

DR. Salinah Jaafar ialah Profesor Madya di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaysia (UM).

Data MyKad 17 juta rakyat tidak bocor

um
5/12

KUBANG PASU: Kementerian Dalam Negeri (KDN) menafikan terdapat kebocoran melibatkan data kad pengenalan atau MyKad seramai 17 juta rakyat Malaysia yang kononnya dijual di laman web gelap.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, beliau menyemak perkara itu dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Agensi Keselamatan Siber Kebangsaan (NACSA).

"Dakwa itu timbul daripada seorang pengguna media sosial yang mempamerkan beberapa keping MyKad dan rekod cerita 17 juta bocor.

"Saya segera semak dengan JPN dan NACSA yang bertanggungjawab tentang keselamatan bahagian teknologi maklumat agensi kerajaan, kedua-duanya mengesahkan tiada insiden itu," katanya selepas melawat mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Tinggi di sini, semalam.

Terdahulu, pengguna laman X, Fusion Intelligence Center @ StealthMole mendakwa, sampel MyKad Malaysia dikongsi secara terbuka di laman web gelap.



SAIFUDDIN Nasution Ismail menyerahkan sijil kelahiran kepada salah seorang mangsa banjir yang membuat penggantian dokumen itu di PPS SK Bukit Tinggi, Kubang Pasu. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

Dia mendakwa, sampel kad pengenalan Malaysia dikongsi secara terbuka di web berkenaan yang dibimbangi berlaku pelanggaran data besar-besaran dan boleh membawa kepada jenayah serius seperti kecurian identiti dan penipuan

kewangan.

Tambah Saifuddin, kerajaan memberi jaminan bahawa integriti data, terutama melibatkan maklumat rakyat yang merupakan fungsi utama JPN sentiasa dijaga.

"Saya meminta rakyat agar

berhati-hati dengan penyebaran maklumat tidak sahih seperti ini, jadi lebih baik hentikan perkara tidak bertanggungjawab seperti itu," katanya.

Dalam perkembangan lain, Saifuddin berkata, kerajaan sentiasa terbuka menubuhkan suruhanjaya bebas kepada agensi penguatkuasaan lain bagi memudahkan aduan orang ramai disalurkan.

"Setakat ini, Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) yang diluluskan pada 2022 khusus untuk polis walaupun Perdana Menteri sebut ketika menjadi Ketua Pembangkang beliau berharap suruhanjaya itu bukan untuk polis sahaja, bahkan semua agensi penguatkuasa lain kerana tak mahu polis terasa mereka sahaja jadi sasaran.

"Tatakelola dan integriti harus meliputi semua agensi, namun keputusan ketika itu adalah dahulukan dengan IPCC. Kita putuskan akta yang diluluskan itu dan mula berkuatkuasa 1 Julai tahun lalu untuk polis dan ke depan nanti jika ada ruang kita tambah baik dengan agensi lain, kerajaan sentiasa terbuka," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 05 DEC 2024



Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, Chief Secretary to the Government Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar (front row, second from left) and Public Service Department director-general Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz (front row, second from right) at the Ihsan Madani Fundraising Event in Putrajaya yesterday. PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

IHSAN MADANI FUNDRAISING EVENT

RM35.8m IN DONATIONS FOR FLOOD VICTIMS

23 companies join hands in providing aid to people hit by deluge

FAHMY A. ROSLI
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

THE government has received RM35.8 million in donations from 23 private companies and corporate bodies to assist flood victims.

This is in line with Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's call for private firms to join hands in providing aid to the victims.

Speaking at the Ihsan Madani Fundraising Event at Kompleks Seri Perdana here yesterday, Anwar announced that all funds donated to the government would be coordinated by the Implementation Coordination Unit (ICU) of the Prime Minister's Department.

"I have asked the ICU to list the

infrastructure needs in addition to what the government has allocated," he said.

Donations were received from YTL Corp Bhd and Yayasan Al-bukhary, each contributing RM5 million. Sapura Secured Technologies and U Mobile Sdn Bhd each gave RM3 million. Mah Sing Group Bhd, WCT Bhd, IJM Corp Bhd, Kuala Lumpur Kepong Bhd, Berjaya Corp Bhd and Press Metal Bhd each contributed RM2 million.

Additionally, Westports Malaysia Sdn Bhd, Roadcare (M) Sdn Bhd, Sunway Bhd, Malaysia Resources Corp Bhd, and The Weststar Group each contributed RM1 million.

Fortress Mining Sdn Bhd, Selia Selenggara Selatan Sdn Bhd, Johawaki Holdings Sdn Bhd and Datuk Lawrence Lim Swee Lin each contributed RM500,000.

Donations were also made by Newsfields Land Sdn Bhd (RM250,000), AHAM Asset Management Bhd (RM250,000), the Association of Malay Vehicle Importers and Traders of Malaysia (RM200,000), and YHA Travel & Tours (M) Sdn Bhd (RM100,000).

Anwar said the funds received would be used to repair infrastructure damaged by the floods. This includes repairing school buildings that are used as temporary evacuation centres.

Anwar said the donations would also be used to repair school floors and toilets that were damaged by floods, as well as to cover the costs of food, drinks and school uniforms.

In coordinating the aid, he suggested better coordination between the government and other organisations to ensure that the assistance reached those who truly need it.

He stressed the importance of using the aid as effectively as possible.

"It is better to channel the aid, not necessarily through government departments, but also through non-governmental organisations that are truly realistic. Our machinery on the ground knows. If we go ourselves, those who have already received aid (previously) will get help again."

"That is why we need to coordinate more efficiently," he said.

Dept focusing on equipment maintenance

KUALA LUMPUR: With another monsoon surge expected in a few days, maintenance and preparations are the main focus of the Fire and Rescue Department for the moment.

Its director-general, Datuk Nor Hisham Mohammad, said the department would use the next couple of days to conduct maintenance on equipment and assets.

"We have identified a few trucks, boats and equipment in need of maintenance."

"We will use this down time in order to get everything ready in time for the next surge," he told the *New Straits Times*.

The Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) has forecast a monsoon surge from Sunday till Dec 14. This is expected to lead to a second wave of floods.

MetMalaysia said this weather pattern may lead to continuous rainfall on the east coast during this period.

Nor Hisham said floodwaters were receding but that does not mean that they would stand down their operations.

"The earlier storm was only the first wave and there are usually several intense storms during each northeastern monsoon season. Based on our experience so far, we will not be making any change to our operation strategy."

Nor Hisham said asset and manpower deployment were already in place but the department was now looking for forecasts of continuous rain in specific areas.

"Flood control rooms have already been activated in the affected states, including Kelantan, Terengganu, Kedah and Perak."

"Their role will be to monitor the water movements closely. We heavily rely on water levels of the rivers and seas in forecasting potential floods."

Nor Hisham said that during



Datuk Nor Hisham Mohammad

the first wave, the ground was dry but it has since soaked up all the water from the storm.

"Now that the ground is wet, there is a possibility that flood waters will rise quicker in affected areas. We will be working together with the other agencies, including the National Disaster Management Agency."

He advised those who lived in areas where evacuation orders were issued to comply with the directives for their own safety.

"We also advise the public to refrain from wading through floodwaters as the murky waters make it nearly impossible to see where they are walking."

"Parents should also keep an eye on their children and not allow them to swim or play in these floodwaters," he said. **Reporting by Austin Camoens**

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 05 DEC 2024

Ministry to provide new homes or repair those damaged by floods

PUTRAJAYA: The Rural and Regional Development Ministry will either provide new homes or repair rural houses damaged by the recent floods, said Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

He added that the initiative is one of the ministry's efforts to assist those affected by floods nationwide.

"I want the ministry, through its departments, agencies and subsidiaries, to take appropriate initiatives and mobilise efforts to help those affected," Ahmad Zahid, who is also rural and regional development minister, said during the ministry's monthly assembly and the innovation and quality day celebration yesterday.

The national disaster management committee chairman also said a flood relief emergency fund would be launched to provide assistance, either as financial aid or daily necessities.

"Let us establish the *Ihsan Madani* squad comprehensively across the ministry, agencies and subsidiaries. This squad can focus on post-flood recovery efforts to assist affected families."

Ahmad Zahid said the *Madani* government is fully focused and prepared to handle any eventuality caused by floods.

He said preparations are underway to face the second wave of floods, predicted to occur from Dec 8 to 14, with all agencies at various levels ensuring readiness to prevent untoward incidents.

"Pahang and Johor are also expected to be affected, and we hope that state and district disaster committees are on high alert."

"Preparedness needs to start early to avoid undesirable situations," he said, adding that the current floods were worse than in 2014.

The number of flood affected residents dropped to 65,899 yesterday from 67,453 on Tuesday. — Bernama

THE SUN
05 DEC 2024

Tarikh: